

REKA BENTUK DAN TEKNOLOGI TINGKATAN 1

LATIHAN BAB 3 : PROSES REKA BENTUK

3.1.1 Definisi projek brief

3.1.2 Ciri projek brief

Jawab **semua** soalan dengan menggunakan **HURUF BESAR**.

1. Tandakan (/) pada jawapan yang **betul** dan (X) pada yang **salah**.

- (a) Proses perbincangan awal yang melibatkan satu pihak, iaitu pengurus projek sahaja dalam penghasilan produk yang disukainya ☐
- (b) Proses perbincangan awal antara dua pihak, iaitu pengurus projek dengan pelanggan untuk memenuhi kehendak pelanggan dalam penghasilan produk ☐
- (c) Perbincangan akhir untuk mendapatkan maklumat secara terus daripada pelanggan mengenai produk yang ingin dibangunkan ☐
- (d) Perbincangan muktamad untuk menterjemah idea reka bentuk daripada pelanggan kepada bentuk lakaran bebas atau contengan ☐


2. Tandakan (/) pada yang **betul** dan (X) pada pernyataan yang **salah**.

Proses perbincangan awal antara pengurus projek dengan pelanggan ☐

Pereka bentuk tidak terlibat sepanjang perbincangan ☐

Perbincangan dilakukan untuk mendapatkan maklumat secara terus daripada pelanggan ☐

3. Nyatakan antara lima ciri-ciri projek brief dengan melengkapkan peta pemikiran yang berikut.



4. Padankan ciri-ciri projek brief yang berikut dengan penerangan yang betul.

Tajuk Projek	Melibatkan kajian reka bentuk dan kajian pasaran
Kriteria Produk	Gambaran awal berkenaan bentuk dan fungsi produk
Analisis Kajian	Aplikasi elemen dan prinsip reka bentuk dalam produk

5. Tandakan (/) pada ciri-ciri projek brief yang **betul** dan (X) pada pernyataan yang **salah**.

(a) Tajuk projek

(b) Gambaran separa projek

(c) Kriteria pengguna

(d) Analisis ujian

6. Tandakan (/) bagi tajuk projek dalam ciri-ciri projek brief yang **betul** dan (X) bagi yang **salah** pada petak yang disediakan.

(a) Tajuk merujuk produk yang ingin dihasilkan

(b) Tajuk dinyatakan secara umum

(c) Tajuk memberi gambaran awal bentuk dan fungsi produk

7. Tandakan (/) bagi kriteria produk yang **betul** dan (X) bagi yang **salah** pada petak yang disediakan

(a) Kriteria produk melibatkan elemen dan prinsip dalam reka bentuk

(b) Jenis kriteria perlu dibincang bersama pelanggan

(c) Kriteria produk tidak mengambil kira produk sedia ada dalam pasaran

8. Nyatakan **dua** bahagian dalam gambaran keseluruhan projek.

a)


b)

9. Berikan **dua** gambaran awal produk yang boleh ditunjukkan.

a)

b)

10. Padankan ciri-ciri projek brief dengan penerangan yang betul.



SELAMAT MENJAWAB

Disediakan oleh

Pn Aniza Abdullah
Guru RBT, SMK Dengkil,
Sepang, Selangor